



**KETUA SETIAUSAHA NEGARA
MALAYSIA**

Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

Tel : 8888 1480
8888 3381
Faks : 8888 4479

Ruj. Kami : JP/BPPD/379/42/2 JLD.2 (21)
Tarikh : 2 Julai 2020

15 Zulkaedah 1441H

**Semua Ketua Perkhidmatan Persekutuan
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan dan Badan Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan**

PELAKSANAAN BANGI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 2020

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan melaksanakan Bangi Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Bangi 2020). Arahan Bangi 2020 telah mendapat perkenan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di mana ia akan dilaksanakan di seluruh Malaysia mulai 7 Julai 2020 bersempena Hari Bangi Negara.

3. Objektif pelaksanaan Bangi 2020 adalah untuk mendapatkan stok profil penduduk dan perumahan yang komprehensif serta terperinci sehingga ke peringkat geografi terkecil sebagai penanda aras bagi ciri-ciri demografi dan sosioekonomi penduduk yang terkini. Bancian ini juga akan

mengambil kira keperluan input bagi Rancangan Malaysia dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 antaranya berkaitan kemakmuran bersama, pembasmian kemiskinan, kelestarian alam sekitar dan kemajuan ekonomi.

4. Dapatan banci yang berintegriti dan *reliable* akan menjadi asas dalam pemantauan arah aliran penduduk dan perumahan untuk perancangan pembangunan Negara. Selain itu, ia turut berperanan sebagai input dalam membuat keputusan berasaskan fakta (*evidence-based*) untuk perancangan, pelaksanaan dan pemantauan *blueprint* pembangunan nasional.

5. Selaras dengan modenisasi dalam pelaksanaan Banci 2020, pengumpulan data Banci 2020 dilaksanakan melalui lima (5) mod/ kaedah pembancian iaitu soal selidik secara atas talian (*e-Census*), *Computer Assisted Personal Interview* (CAPI), *Paper and Pen Interview* (PAPI), *Drop-off & Pick-up* (DOPU) dan *Computer Assisted Telephone Interview* (CATI). Pelaksanaan mod pembancian ini adalah fleksibel dengan mengambil kira kemudahan sedia ada di kawasan pembancian.

6. Mesyuarat Jemaah Menteri yang diadakan pada 4 Jun 2020 telah bersetuju supaya pengumpulan data Banci 2020 dilaksanakan dalam dua fasa iaitu:

- i. Fasa Pertama: 7 Julai hingga 30 September 2020 dengan pengumpulan data secara atas talian; dan
- ii. Fasa Kedua: 7 hingga 24 Oktober 2020 dengan pengumpulan data secara bersemuka.

7. Justeru itu, **semua Penjawat Awam adalah diwajibkan** untuk menjawab soal selidik Banci 2020 **secara atas talian** atau **e-Census** bermula 7 Julai hingga 30 September 2020. Maklumat lanjut tentang tatacara pengisian *e-Census* boleh diperoleh melalui pautan <https://www.mycensus.gov.my>.

8. Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Badan Berkanun Persekutuan/ Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah dipohon memberikan keutamaan dan kerjasama kolektif bagi memastikan Banci 2020 dapat dilaksanakan dengan jayanya dan maklumat yang diberikan adalah berintegriti serta *reliable* bersesuaian dengan tema “Data Anda, Masa Depan Kita”.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI)